Timbalan Pendakwa Raya lwn Tay High Kuan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO 41–38 TAHUN 2008
UMI KALTHUM PK
23 APRIL 2009

Kastam dan Eksais — Duti kastam — Tuduhan — Cubaan mengelak duti kastam secara fraud — Rayuan — Sama ada responden ataupun syarikat yang sepatutnya dituduh — Sama ada kegagalan menuduh responden bersama-sama dengan syarikat menjadikan pertuduhan cacat — Sama ada majistret terkhilaf apabila gagal mengambilkira keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan keseluruhannya — Sama ada pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie — Akta Kastam 1967 ss 65, 135(1)(g) & 140

Responden pertama adalah pengarah urusan Syarikat Do-Well Marketing Corp (M) Sdn Bhd manakala responden kedua adalah pengurus operasi syarikat tersebut. Kedua-dua responden telah dituduh melakukan dua kesalahan seperti berikut: (a) cubaan mengelakkan secara fraud duti kastam ke atas 3,375 karton x 24 tin x 320ml minuman bir yang dimuatkan ke dalam motor-trak nombor pendaftaran JEA 4726 T/J 5088; dan (b) cubaan mengelakkan cukai kastam secara fraud ke atas 3,375 karton x 24 tin x 320ml minuman bir di suatu gudang yang disewa oleh syarikat di Taman Perindustrian KIP, Selayang ('DMCII'). Mereka telah dituduh melakukan satu kesalahan di bawah s 135(1)(g) Akta Kastam 1967. Pada akhir kes pendakwaan, majistret mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua responden dan memerintahkan kedua-dua responden dilepas dan dibebaskan. Beliau juga telah memerintahkan wang jaminan dan barang-barang kes yang berkaitan dikembalikan semula kepada responden-responden. Maka rayuan ini oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan tersebut. Isu-isu yang dibangkitkan adalah, antara lain: (i) sama ada responden-responden yang sepatutnya dituduh ataupun Syarikat Do-Well Marketing Sdn Bhd; (ii) sama ada tindakan meletakkan kenderaan yang berisi dengan barangannya yang duti kastamnya belum dibayar di premis di gudang DMCII merupakan satu kesalahan; dan (iii) sama ada majistret telah gagal mengambil kira peruntukan s 140(1) Akta yang menganggapkan seorang 'director, manager, secretary or other similar officer of the company' sebagai bersalah sekiranya sesebuah syarikat itu telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta itu.

Diputuskan menolak rayuan:

(1) Tiada bukti untuk menunjukkan ada kaitan di antara responden-responden dengan kesalahan-kesalahan yang didakwa dilakukan oleh mereka di bawah kedua-dua pertuduhan itu. Ini adalah oleh kerana pada pertamanya, kedua-dua responden merupakan kakitangan syarikat itu. Barangan dalam bentuk karton-karton tin Carlsberg itu bukanlah kepunyaan kedua-dua responden itu tetapi kepunyaan syarikat itu. Tiada bukti dikemukakan bahawa syarikat mahupun kedua-dua responden telah menempah lori-lori untuk mengangkut barangan itu melainkan SP4 menyatakan dalam siasatannya, lori JEA 4726 ditempah dari Syarikat JN Network Trading (M) Sdn Bhd dan bahawa Do-Well telah tempah lori itu dari JN Network dan JN Network telah tempah dari Pacific Haulage (lihat perenggan 10).

(2) Syarikat itu sepatutnya sekurang-kurangnya dituduh terlebih dahulu atau bersekali dengan responden-responden. Jika syarikat itu didapati bersalah, maka responden-responden bolehlah dituduh atas kesalahan yang sama. Syarat-syarat yang terkandung dalam s 140(1) Akta perlu dipatuhi. Adalah jelas di bawah peruntukan s 140(1) Akta, sebelum seseorang 'who was at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer … of the company …' boleh dituduh atas apa-apa kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta itu, syarikat itu perlulah terlebih dahulu didapati telah melakukan kesalahan itu (lihat perenggan 10).

(3) Tindakan meletakkan kenderaan itu di gudang DMCII bukanlah merupakan satu kesalahan dan tiada langsung elemen percubaan untuk melakukan fraud terhadap duti kerajaan yang dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Jika sekiranya pun adalah satu kesalahan, majistret mendapati tiada langsung keterangan yang mengaitkan kedua-dua responden dengan kesalahan yang dipertuduhkan itu (lihat perenggan 11).

[English summary

The first respondent was the managing director of Syarikat Do-Well Marketing Corp (M) Sdn Bhd while the second respondent was the operations manager of the said company. Both respondents ware charged for committing two offences as follows: (a) attempting to fraudulently avoid customs duty for 3,375 cartons x 24 tin x 320ml of beer which was placed into a motor truck bearing the registration No JEA 4726 T/J 5088; and (b) attempting to fraudulently avoid customs duty of 3375 karton x 24 tin x 320ml beer at a warehouse rented by the company at Taman Perindustrian

KIP, Selayang ('DMCII'). They were charged for committing the offence under s 135(1)(g) of the Customs Act 1967. At the end of the prosecution's case, the magistrate found that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the two respondents and ordered that both respondents be released and acquitted. He also ordered that the surety deposit and the relevant case materials be returned to the respondents. Hence this appeal by the prosecution against the said decision. The issues raised were, inter alia: (i) whether the respondents or Syarikat Do-Well Marketing Sdn Bhd that ought to be charged; (ii) whether the act of parking the vehicle containing the goods in which the custom duty had not been paid in the premise of DMCII warehouse was an offence; and (iii) whether the magistrate had failed to consider the provision of s 140(1) of the Act which considered a 'director, manager, secretary or other similar officer of the company' as guilty if a company had committed an offence under the Act.

Held, dismissing the appeal:

(1) There was no evidence to show the relationship between the respondents and the offences alleged to have been committed by them under both charges. This was because at the first instance, both respondents were the staffs of the company. The goods that were in the form of Carlsberg tin cartons were not in possession of both the respondents but in the possession of the company. There was no evidence produced that the company or both the respondents had commissioned the lorries to carry the goods except for SP4 who stated in his investigation that the lorry JEA 4726 was commissioned from Syarikat JN Network Trading (M) Sdn Bhd and that Do-Well had commissioned the lorry from JN Network and JN Network had commissioned from Pacific Haulage (see para 10).

(2) The company should have at least been charged first or together with the respondents. If the company was found guilty, then the respondents could be charged for the same offence. The conditions stipulated in s 140(1) of the Act should be complied with. It was clear that under the provision of s 140(1) of the Act, before a person 'who was at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer… of the company…' could be charged with any offence under the Act or any regulation made under the Act, the company ought to have been first found guilty (see para 10).

(3) The act of parking the vehicle at DCMII warehouse was not an offence and was not at all an element of attempting to commit fraud on the government duty as proved by the prosecution. Even if it was an offence, the magistrate had no evidence at all which related the two respondents with the offence charged (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai duti kastam secara am, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 36.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Hock Ting v PP [1933] MLJ 160, MT (dirujuk)
Yue Sang Cheong Sdn Bhd v PP [1973] 2 MLJ 77, MT (dirujuk)
PP v Guan Sheng Trading Sdn Bhd [1997] 4 MLJ 20, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kastam 1967 ss 65, 119, 127, 135(2), 135(i)(i), 140(1), 140(2),

Salim Bashir (Tetuan Salim Bashir) bagi pihak responden pertama dan kedua.
Nurul Ezwaney Husin (Timbalan Pendakwa Raya, Kastam Diraja Malaysia) bagi pihak pendakwaan.

Umi Kalthum PK:

[1] Responden pertama dan kedua telah dituduh melakukan dua kesalahan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, 1) Tay High Kuan @ Tay You Kuan, 2) Kerk Seng Hoo bersama-sama pada 7.1.2000 jam lebih kurang 1.30 pagi di premis stor beralamat No SD3, Jalan KIP 11, Taman Perindustrian KIP, 52200 Selayang, dalam Daerah Rawang dalam Negeri Selangor Darul Ehsan dengan diketahuinya terlibat dalam cubaan mengelakkan secara fraud duti kastam, iaitu, RM230,688 ke atas 3375 carton x 24 can x 320 ml minuman bir berjumlah 25,920 yang dimuatkan ke dalam motor-truck nombor pendaftaran JEA 4726 T/J 5088, yang mana barang tersebut dikenakan duti semasa diimport di bawah Perintah Duti Kastam 1996 (P.U(A) 15/96) dan dengan demikian, telah melakukan kesalahan di bawah s 135(1)(g) Akta Kastam 1967 (Semakan 1980) dan boleh dihukum di bawah s 135(1)(i) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu, 1) Tay High Kuan @ Tay You Kuan, 2) Kerk Seng Hoo bersama-sama pada 6.1.2000 jam lebih kurang 9.20 malam di Batu 101/4 Jalan Kuala Selangor, Daerah Rawang dalam Negeri Selangor Darul Ehsan dengan berpengetahuan terlibat dalam cubaan mengelakkan cukai kastam secara fraud, iaitu RM230,688 yang dikenakan oleh undang-undang ke atas 3,375 karton x 24 tin x 320ml minuman bir berjumlah 25,920 dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 135(1)(g) Akta Kastam 1967 (Semakan 1980) dan boleh dihukum di bawah s 135(1)(i) Akta yang sama.

[2] Pada akhir kes pendakwaan, Tuan Majistret yang bijaksana telah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua responden itu dan memerintahkan kedua-dua responden itu dilepas dan dibebaskan. Beliau juga telah memerintahkan wang jaminan dikembalikan semula kepada kedua-dua responden dan 'barang-barang kes yang berkaitan dikembalikan semula kepada' responden-responden.

FAKTA KES

[3] Kes ini berkisah dari tiga operasi yang dijalankan oleh pegawai-pegawai kastam pada malam 6 Januari 2000 dan awal pagi 7 Januari 2000 ke atas kepentingan Syarikat Do-Well Marketing Corporation (M) Sdn Bhd ('syarikat itu'). Operasi pertama melibatkan penahanan lori treler nombor pendaftaran JDT 9276 (yang ditanda sebagai P33) pada jam 9.20 malam 6 Januari 2000 oleh satu pasukan pegawai kastam yang diketuai oleh SP4. Penahanan itu berlaku di tepi jalan di Batu 10½, Jalan Kuala Selangor, Daerah Rawang, Selayang, Selangor. Pemandu P33 telah ditahan dan P33 dibawa balik ke pejabat kastam di mana setelah SP3 memeriksa P33 itu dan didapati ianya kosong dan berpuas hati tiada apa-apa kesalahan dilakukan, P33 dan pemandunya dilepaskan. Sebelum P33 dilepaskan, gambar P33 telah diambil (ditandakan P29 (A-C)). Selepas siasatan lanjut, P33 telah dirampas dan responden-responden dituduh atas tuduhan tambahan kedua mengenainya.

[4] Operasi kedua merupakan serbuan, atas arahan SP6, yang dibuat oleh satu pasukan kastam yang diketuai oleh SP3 pada jam lebih kurang 12.45 pagi 7 Januari 2000 ke atas gudang berlesen syarikat itu yang terletak di alamat Nombor 11, Jalan Tago 8, Taman Perindustrian Tago, Kuala Lumpur ('DMC I'). Gudang DMC I ialah gudang yang dilesenkan di bawah s 65 Akta Kastam 1967 ('Akta'). Pemeriksaan ke atas gudang ini telah dibuat oleh pegawai kastam. SP3 kemudiannya diarah pergi membantu satu pasukan kastam yang berada di lokasi yang lain yang disebut sebagai DMCII.

(4.1) Pada lebih kurang pukul 1.20 pagi 7 Januari 2000, SP6 telah minta SP4 pergi ke DMC bersama-samanya. Di DMC SP4 telah menemui responden pertama dan kedua dan menyoal mereka tentang dokumen-dokumen berhubungan dengan kegiatan pengeksportan bir Carlsberg syarikat itu. Dalam siasatannya, SP4 menyatakan di stor syarikat itu beliau dapati pekerja-pekerja mencuci 'marking' di bawah can-can bir iaitu 'manufacturing marking'. Beliau ada nampak marking di bahagian bawah tin-tin bir Carlsberg itu dan nampak kesan label dikoyak; akan tetapi beliau tidak boleh menjawab sama ada suatu kesalahan telah dilakukan atau tidak di bawah undang-undang kastam. Selepas menyoal responden-responden itu, SP4 telah minta mereka berdua pergi ke DMCII. Responden-responden itu ikut pergi ke

DCMII dengan kereta mereka sendiri. Mengikut SP6, SP4 telah memaklumkan kepada beliau kemudian (dan bukan semasa pemeriksaan dijalankan) bahawa SP4 telah menemui cop 'rubber stamp' yang bertanda W14 dan juga 'rubber stamp' yang bertulis 'Penolong Pengarah Kastam Cawangan Penggudangan Kuala Lumpur'. Fakta ini tidak disebut langsung oleh SP4 semasa beliau memberi keterangan dan 'rubber-stamp' itu tidak dikemukakan kepada mahkamah sebagai ekshibit pihak pendakwaan.

[5] Pada jam lebih kurang 1.30 pagi 7 Januari 2000, satu lagi operasi serbuan, yang diketuai oleh SP6, dibuat terhadap suatu gudang yang disewa oleh syarikat itu yang beralamat di No SD3, Jalan KIP 11, Taman Perindustrian KIP, 52200 Selayang, Daerah Rawang, Selangor ('DMCII'). Pintu pagar DMCII didapati berkunci. Apabila beberapa kali dipanggil dan tiada orang datang membuka pagar, SP6 telah mengarahkan SP1 supaya memanjat pagar besi dan masuk ke dalam kawasan DMCII. SP1 telah masuk ke dalam kawasan berpagar dan melalui pintu sisi DMCII itu beliau telah masuk ke dalam gudang DMCII dan membuka pintu utama gudang DMCII itu dari dalam. Setelah pintu utama dibuka dan lampu dihidupkan, SP6 mengarahkan beberapa pegawai kastam mengangkat pintu besi pagar. Selepas berjaya berbuat demikian kenderaan kastam masuk ke dalam kawasan DMCII. Dalam masa pegawai kastam pecah masuk ke dalam kawasan DMCII dan gudang DMCII, kedua-dua responden tidak ada di premis tersebut.

[6] Dari keterangan SP1, SP2, SP3, SP4 dan SP6, dalam gudang DMCII terdapat motor treler JEA 4726/ T/J 5088 (iaitu P31/P32). Treler itu mempunyai dua pintu; satu pintu di tepi di mana seal kastam masih sempurna dan satu pintu di belakang di mana tiada seal kastam didapati. SP3 telah membuka pintu belakang P32 dan dapati susunan karton-karton bir Carlsberg dalam P32. Dua karton telah didapati diturunkan daripada treler itu seperti dalam gambar P22 dan P23. Gambar-gambar P22, P23 dan P24 telah diambil oleh SP4, yang tiba ke DMCII selepas DMCII dipecah masuk. Selepas berada beberapa lama di DMCII, SP6 dan SP4 telah pergi ke DMC I, dan kembali semula ke DMCII dengan diikuti oleh kedua-dua responden itu.

[7] Pada jam 8.30 pagi Januari 2000, P31 dan P32 dibawa ke pejabat kastam pencegah di mana pemeriksaan penuh dilaksanakan. Hasil pemeriksaan didapati jumlah bir dalam P32 ialah 3,375 karton x 24 tin x 320 ml. Semua tin bir tersebut telah dijual secara tender di bawah s 115 Akta dengan harga RM69,525 — lihat resit P18.

KEPUTUSAN

[8] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini menolak

rayuan perayu/pendakwa raya terhadap keputusan Tuan Majistret yang bijaksana tertakluk kepada beberapa perintah. Alasan penolakan rayuan perayu adalah seperti yang berikut.

ISU-ISU

[9] Terdapat lima isu yang dibangkitkan oleh perayu iaitu:

(9.1) Sama ada responden-responden yang sepatutnya dituduh ataupun Syarikat Do-Well Marketing Sdn Bhd;

(9.2) Sama ada tindakan meletakkan kenderaan di gudang DMCII bukanlah satu kesalahan;

(9.3) Adakah Tuan Majistret gagal mengambil kira keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan keseluruhannya;

(9.4) Sama ada peruntukan s 127 Akta terpakai atau tidak; dan

(9.5) Sama ada anggapan di bawah s 119 dan s 135(2) Akta terpakai terhadap responden-responden atau tidak.

[10] Sama ada responden-responden sepatutnya dituduh ataupun Syarikat Do Well Marketing Sdn Bhd:

(10.1) Saya bersetuju dengan dapatan Tuan Majistret bahawa tiada bukti untuk menunjukkan ada kaitan antara responden-responden dengan kesalahan-kesalahan yang didakwa dilakukan oleh mereka di bawah kedua-dua pertuduhan itu. Ini adalah oleh kerana pada pertamanya, kedua-dua responden merupakan kakitangan syarikat itu iaitu bagi responden pertama, pengarah urusan syarikat dan bagi responden kedua, pengurus operasi. Ini pun saya dapati pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa bukti terhadap jawatan mereka melainkan melalui keterangan lisan saksi-saksi yang merupakan pegawai kastam, iaitu, SP4 pembantu pegawai siasatan pada semua masa material (beliau menyatakan mengikut kedua-dua responden mereka adalah 'pengarah operation manager' syarikat dan 'pengarah urusan' masing-masingnya. Akan tetapi SP4 juga telah memberi keterangan sejurus kemudian bahawa seorang bernama Khoo Chong Neng dalam syarikat itu dikenalkan sebagai 'operation manager' dan adalah 'pegawai operasi syarikat'); SP6 yang adalah ketua pegawai penyiasat (beliau menyatakan kedua-dua responden dituduh kerana mereka adalah 'pengarah syarikat', tetapi tidak tahu bilangan pengarah syarikat. Kemudian semasa pemeriksaan balas beliau menyatakan responden pertama adalah pengarah syarikat manakala responden kedua adalah pekerja syarikat); SP10 pegawai kastam di Bahagian Penggudangan Kastam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Jalan Tandang, Petaling Jaya pada masa

material (beliau hanya dapat menyatakan bahawa beliau terima dokumen Borang Kastam 8 P27 dan P28 daripada responden kedua dan bahawa responden kedua akan hantar Borang Kastam 8 sekurang-kurangnya sebulan sekali. Akan tetapi diperhatikan P25, P26 dan P27 ditandatangani oleh seorang bernama 'Gan Bee Man' di ruangan nombor 41 bertajuk 'Nama Pembuat Akuan' dan bukannya responden kedua).

(10.2) Perlu diingatkan bahawa adalah 'trite law' syarikat itu mempunyai personaliti perundangan yang berasingan (separate legal personality) daripada pengarah pengarah/pegawai-pegawai/kakitangannya. Daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, Borang Kastam 8 (P25, P27) itu adalah atas nama 'Do-Well Marketing Corporation (M) Sdn Bhd' sebagai pengeksport. Barangan dalam bentuk karton-karton tin Carlsberg itu bukanlah kepunyaan kedua-dua responden itu (tidak sebagaimana yang dinyatakan oleh SP6) tetapi kepunyaan syarikat itu. Barangan yang terdapat dalam kontena P31 dan P32 berada dalam gudang di alamat SD3, Jalan KIP II, Taman Perindustrian Kepong ('DMCII') disewa oleh syarikat itu. Tiada bukti dikemukakan bahawa syarikat mahupun kedua-dua responden telah menempah lori-lori untuk mengangkut barangan itu melainkan SP4 menyatakan dalam siasatan beliau, lori JEA 4726 ditempah dari Syarikat JN Network Trading (M) Sendirian Berhad dan bahawa Do-Well telah tempah lori itu dari JN Network dan JN Network telah tempah dari Pacific Haulage.

(10.3) Akan tetapi Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') yang bijaksana telah menghujahkan bahawa Tuan Majistret yang bijaksana telah gagal mengambil kira peruntukan s 140(1) Akta yang menganggapkan seorang 'director, manager, secretary or other similar officer… of the company…' sebagai bersalah sekiranya sebuah syarikat itu telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta itu. Oleh itu, dan memandangkan bahawa responden pertama adalah pengarah operation manager dan responden kedua adalah pengarah urusan syarikat, di mana keterangan saksi pihak pendakwaan tidak dicabar, maka kedua-dua responden itu adalah bertanggungjawab atas kesalahan yang dituduh itu di bawah s 140(1) Akta, melainkan jika mereka membuktikan bahawa kesalahan-kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan mereka dan mereka telah menjalankan segala urusan untuk menghalang kesalahan-kesalahan itu daripada dilakukan sebagaimana yang mereka patut jalankan di bawah s 140(2) Akta itu. Saya dapati hujah Puan TPR yang bijaksana itu sebagai ibarat cubaan beliau menegak benang yang basah. Sekiranya pun saya menerima keterangan tentang jawatan kedua-dua responden sebagai yang terbukti (yang saya dapati tidak terbukti dengan memuaskan), akan tetapi syarat-syarat yang terkandung dalam s 140(1) Akta perlu dipatuhi. Adalah jelas di

bawah peruntukan s 140(1) Akta, *sebelum* seseorang 'who was at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer of the company.' boleh dituduh atas apa-apa kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta itu, *syarikat itu perlulah terlebih dahulu didapati telah melakukan kesalahan itu*. Seksyen 140(1) memperuntukkan seperti berikut:

140 (1) *Where an offence against this Act* or any regulation made thereunder *has been committed by a company*, firm, society or other body of persons, any person who at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer or a partner of the company, firm, society or other body of persons or was purporting to act in such capacity shall be deemed to be guilty of that offence unless he proves that the offence was committed without his consent or connivance and that he exercised all such diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances'. (Penekanan diberi.)

Dalam perkataan lain, dalam kes ini syarikat itu sepatutnya sekurang-kurangnya dituduh terlebih dahulu atau bersekali dengan responden-responden. Jika syarikat itu didapati bersalah, maka responden-responden bolehlah dituduh atas kesalahan yang sama tetapi dibaca bersekali dengan s 140(1) Akta. Tafsiran peruntukan s 140(1) Akta itu dibuat dengan mengambilkira keputusan kes *Mahkamah Persekutuan Yue Sang Cheong Sdn Bhd v Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 77 (MT) dan juga kes yang tidak diterbit *Advance Security Network Sdn Bhd & Anor v Pendakwa Raya* yang dirujuk oleh Puan TPR itu. Saya dapati bukan sahaja syarikat itu tidak dituduh malah kedua-dua pertuduhan itu tidak membuat rujukan khusus kepada s 140(1) Akta, maka dengan itu sahaja rayuan ini seharusnya ditolak. Bukan itu sahaja, isu peruntukan s 140(1) Akta tidak langsung dirujuk/dibangkitkan di peringkat perbicaraan di mahkamah majistret dan seharusnya isu ini tidak boleh dibangkitkan oleh pendakwa raya.

(10.4) Lagipun, saya dapati pertuduhan kedua itu cacat kerana tidak mengandungi nombor pendaftaran kenderaan yang didakwa digunakan untuk mengeksport konsignmen bir Carlsberg seperti dalam Borang Kastam 8 P26, P27.

[11] Tindakan meletakkan kenderaan di gudang DMCII bukanlah satu kesalahan

(11.1) TPR yang bijaksana berhujah bahawa Tuan Majistret telah terkhilaf

apabila menyatakan bahawa tindakan meletakkan kenderaan P31 yang berisi dengan barangannya yang duti kastamnya belum dibayar di premis gudang DMCII bukanlah satu kesalahan tanpa mengambil kira bahawa gudang DMCII itu bukanlah gudang berlesen di bawah s 65 Akta. Bahawa di bawah s 65 tersebut hanya barang-barang yang belum dibayar duti kastam sahaja boleh diletakkan di gudang berlesen.

(11.2) Akan tetapi Puan TPR yang bijaksana dalam masa yang sama mengakui bahawa menurut keterangan SP4, SP6 dan SP8, tidak menjadi satu kesalahan untuk kenderaan-kenderaan yang telah dimeterai untuk singgah di tempat lain sebelum sampai ke destinasi. Namun beliau berhujah tuan majistret terkhilaf apabila menerimapakai keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan itu sendiri tanpa Puan TPR sendiri merujuk kepada apa-apa peruntukan undang-undang yang menyatakan sebaliknya. Saya dapati pendekatan pihak pendakwaan/perayu ini sungguh menghairankan. Bukankah SP4, SP6 dan SP8 pegawai kanan kastam yang terlibat dalam operasi di mana menyebabkan kedua-dua responden didakwa? Apabila mereka terlibat dalam operasi itu bukankah mereka sepatutnya tahu terlebih dahulu apakah tingkah laku/perbuatan yang mereka sedang menjejaki berdasarkan sesuatu peruntukan undang-undang itu lebih-lebih lagi sebelum apa-apa pendakwaan dibuat?

(11.3) Bukan itu sahaja, saya dapati bahawa Tuan Majistret telah pun mengambil kira fakta bahawa pada malam tarikh 6 Januari 2000 ialah malam Hari Raya Aidilfitri, pejabat kastam biasanya tutup dan bercuti hari raya pada 7 Januari 2000 dan pemandu lori yang berkenaan beragama Islam. Oleh itu kemungkinan kenderaan P31 tidak bergerak menuju ke destinasinya dengan segera dan disimpan di gudang DMCII yang berkunci buat sementara waktu sebagai suatu tindakan keselamatan. Tuan Majistret membuat kesimpulan bahawa berdasarkan keterangan saksi-saksi itu, maka tindakan meletakkan kenderaan itu di gudang DMCII bukanlah merupakan satu kesalahan dan tiada langsung elemen percubaan untuk melakukan fraud terhadap duti kerajaan yang dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Jika sekiranya pun adalah satu kesalahan, Tuan Majistret mendapati tiada langsung keterangan yang mengaitkan kedua-dua responden dengan kesalahan yang dipertuduhkan itu.

(11.4) Saya bersetuju dengan kesimpulan Tuan Majistret itu memandangkan kepada perkara-perkara yang diambil kiranya itu, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa tiada keterangan yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa kedua-dua responden itu telah menyebabkan P31 dan P32 itu diletak di gudang DMCII itu pertamanya, dan keduanya P31 dan P32 itu diletak di gudang DMCII bagi tujuan memfraudkan kerajaan daripada duti kastam. Di sini terdapat

keterangan saksi-saksi pendakwaan yang mengelirukan dan adakalanya bercanggah di antara satu sama lain. SP1 menyatakan setelah beliau pasang lampu, beliau bersama-sama pegawai kastam dalam serbuan itu telah membuat pemeriksaan atas kontena P31. Beliau sendiri telah memeriksa belakang kontena itu dan tidak terdapat sebarang mangga ataupun seal. Beliau dapati susunan *can beer* disusun dalam karton kertas yang di 'stack up'. Beliau tidak menyatakan bahawa beliau telah melihat karton bir itu telah dikeluarkan dan disusun di sebelah P31 seperti yang dilihat dalam gambar P22. Keterangan SP1 disokong oleh keterangan SP2. Akan tetapi SP2 menyatakan semasa pemeriksaan balas bahawa beliau tidak melihat pegawai kastam menurunkan karton bir dari P31 *tetapi 2/3 karton telah ada atas lantai*. Apabila disoal sama ada beliau tahu atau tidak bagaimana 2/3 karton boleh berada di atas lantai beliau menjawab beliau tidak tahu. Walhal gambar P22 cuma menunjukkan dua karton sahaja telah diletak atas lantai. Gambar P22 telah diambil sendiri oleh SP4 pada jam 1 pagi 7 Januari 2000 (diperhatikan masa ini tidak selaras/tally dengan masa SP4 menyertai serbuan di DMCII) dan beliau tidak tahu siapa yang meletakkan karton itu di situ. SP3 menyatakan beliaulah yang telah membuka pintu belakang kontena P31 (sebenarnya P32) setelah melihat pintu belakang kontena tidak ada seal, dan beliau nampak kontena itu dipenuhi bir jenis Carlsberg. Tetapi saya ambil perhatian bahawa apabila SP3 telah masuk ke dalam gudang DMCII itu beliau telah terus ke bahagian belakang bangunan bersama-sama SP2 untuk selama 15 minit. Semasa beliau berada dalam bangunan setelah mula-mula masuk, beliau tidak nampak ada atau tidak meterai di pintu belakang kontena itu tetapi beliau nampak meterai di pintu tepi kontena itu masih 'intact'. Yang menjadi tanda tanya saya ialah mengapa SP3 tidak berasa amat penting bagi beliau memeriksa keadaan P31 dan P32 dengan segera sebelum memeriksa belakang bangunan itu memandangkan tujuan serbuan dibuat ke atas gudang itu ialah oleh kerana pihak kastam mengesyaki barangan berduti kastam yang dutinya belum dibayar telah dikeluarkan daripada kontena yang bertelat kastam. Oleh itu saya meragui siapa sebenarnya yang telah memecahkan meterai pintu belakang P32, adakah ianya dipecah oleh salah seorang pegawai kastam itu sendiri bagi tujuan pemeriksaan ataupun oleh seorang pekerja syarikat itu. Sila lihat dengan lanjut perenggan 12.3.6 di bawah. Apa yang jelas ialah tiada bukti yang menunjukkan kedua-dua responden terlibat dalam memberi apa-apa arahan untuk memecahkan meterai itu.

(11.5) Bagi menguatkan hujahan beliau tentang penglibatan kedua-dua responden dalam kesalahan-kesalahan itu, Puan TPR yang bijaksana telah membangkitkan fakta bahawa kedua-dua responden telah berada di tempat kejadian gudang DMCII itu semasa serbuan dibuat. Puan TPR tidak berhati-hati apabila membangkitkan perkara ini. Ini adalah

oleh kerana mengikut keterangan SP4, beliau (SP4) telah pergi ke premis syarikat di DMC I bersama-sama SP6 pada pukul lebih kurang 1.20 pagi 7 Januari 2000 dan telah menemui kedua-dua responden di sana. SP4 kemudian telah minta mereka berdua ikut beliau pergi ke DMCII. Kedua-dua responden telah mengikut SP4 dengan menaiki kereta mereka sendiri ke DMCII. Sepanjang pemeriksaan balas SP4 mengenai siasatan beliau di DMC I, saya dapati bahawa tiada usaha oleh kedua-dua responden untuk menyembunyikan apa-apa fakta daripada pihak kastam. Malah kedua-dua responden telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya.

[12] Kegagalan Tuan Majistret mengambilkira keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan keseluruhannya

(12.1) Puan TPR yang bijaksana telah menyenaraikan 6 aspek keterangan saksi pendakwaan yang merupakan keterangan mengikut keadaan ('circumstantial evidence') yang membawa kepada wujudnya elemen kesalahan-kesalahan responden-responden.

(12.2) Pada pertamanya, berdasarkan alasan-alasan yang telah pun dibentangkan di atas, saya telah pun menyatakan adalah kesilapan pihak pendakwaan untuk menuduh responden-responden tanpa menuduh syarikat dan pertuduhan-pertuduhan itu adalah cacat kerana tambahan pula peruntukan s 140 Akta tidak dirujukkan dalam kedua-dua pertuduhan itu. Maka sepatutnya isu ini tidak perlu dipanjangkan.

(12.3) Namun, untuk memberi pertimbangan keseluruhannya hujahan Puan TPR, saya akan menyentuh serba sedikit tentang keterangan yang dikatakan tidak diambil kira oleh Tuan Majistret itu.

(12.3.1) Mengenai keterangan SP3 yang diarahkan untuk menahan bir yang sepatutnya dieksport dan sepatutnya dalam perjalanan ke destinasi tetapi disimpan di tempat yang tidak sepatutnya dalam keadaan meterainya tidak ada perkara ini telah pun diambil kira oleh Tuan Majistret semasa menimbangkan isu kedua di atas.

(12.3.2) Mengenai keterangan SP4 dan SP5 tentang lori treler JDT 9276 yang berada dalam keadaan termeterai kastam pada 6 Januari 2000 telah dilihat keluar dari gudang DMC I menuju ke gudang DMCII dan kemudiannya telah keluar dari gudang DMCII tanpa muatan sebelum ditahan oleh pegawai kastam — SP4 telah menyatakan bahawa pada 6 Januari 2000 jam 5 petang beliau telah lihat lori prime mover JDT 9276 menarik bonded treler yang telah diisi dengan bir Carlsberg ke DMCII tetapi beliau tidak pasti nombor pendaftaran treler itu. Pada 8.30 malam hari yang sama beliau nampak prime mover JDT 9276 sahaja tanpa treler telah pergi ke DMCII untuk menaiki satu treler yang

disimpan dalamnya. Pada 9.20 malam hari yang sama juga beliau bersama-sama dengan pegawai kastam yang lain telah menahan prime mover JDT 9276 itu di Batu 10½ Jalan Kuala Selangor, Sungai Buloh dan dapati treler yang ditarik oleh prime mover JDT 9276 itu adalah kosong. Memandangkan sebuah prime mover itu boleh menarik mana-mana treler dari semasa ke semasa, ketidakbolehan SP4 menyatakan nombor bonded treler yang beliau katakan telah diisi dengan bir Carlsberg itu adalah suatu kecacatan besar keterangan beliau kerana tidak dibukti dengan jelas bahawa treler kosong yang ditarik oleh prime mover JDT 9276 pada 9.20 malam itu adalah treler yang sama yang dikatakan ditarik oleh prime mover itu pada pukul 5 petang hari yang sama. Lagipun, diperhatikan dalam eksh P26, butiran 6 bertajuk 'No./Nama Vesel/Penerbangan/Kenderaan' hanya ditaipkan 'JDT 9276'. Tidak ditaipkan nombor treler yang ditarik oleh prime mover itu.

(12.3.3) Yang menambahkan lagi kekeliruan mahkamah ini adalah apabila SP4 menyatakan bahawa beliau telah menahan lori JDT 9276 (P33) dan treler T/J 4082 (P34) (lihat ms 83 rekod rayuan), walhal beliau ada mengambil gambar lori JDT 9276 pada 7 Januari 2000 di Pejabat Kastam Pencegahan Petaling Jaya dan treler bernombor T/J 4802 di mana beliau menyatakan belakang treler itu kosong apabila dibuka. Gambar-gambar itu adalah di eksh P29 (A-C). Bagi saya, percanggahan nombor treler ini adalah material. Percanggahan ini lebih-lebih lagi menunjukkan betapa pentingnya nombor treler itu diketahui sebelum sesuatu kesalahan oleh responden-responden dikatakan dilakukan oleh mereka di bawah pertuduhan kedua itu.

(12.3.4) Hujan TPR yang bijaksana telah berhujah bahawa ada usaha responden-responden untuk meminda dengan tulisan tangan, dan dengan itu menunjukkan niat mereka memfraudkan pihak kastam, nombor pendaftaran kenderaan JDT 9276 itu dengan No JET 4726 dalam Borang Kastam 8 eksh P26. Hujahan beliau ini tidak menyakinkan tanpa bukti yang lain dikemukakan. Perlu diingatkan bahawa SP4 sendiri telah menyatakan P26 adalah 'office copy' Borang itu. Tiada penjelasan diberi tentang bagaimana pihak kastam pada pertamanya boleh menerima borang yang 'cacat' ini. Selain itu, melalui keterangan SP4 sendiri, tidak mustahil pindaan dilakukan oleh seseorang pengeksport apabila mengisikan butiran 6 dalam Borang Kastam 8 itu. SP4 telah menyatakan bahawa butiran 6 eksh P25 terdapat sedikit kecatatan di mana nombor lori dinyatakan sebagai JDT 4126 (di sini nampaknya Tuan Majistret telah silap mencatat nombor pendaftaran sebagai 'JTT 4126' yang sepatutnya 'JDT 4126' — lihat ms 112 rekod rayuan), sedangkan yang sebenar lori yang diseal adalah JEA 4726. Fakta ini disahkan oleh SP8 yang telah sealkan lori tersebut. Diperhatikan juga pada salinan Borang Kastam nombor 8 P20, terdapat

pindaan dalam tulisan tangan butiran 6 dan juga di belakang P20 itu dari 'JDT 4126' kepada JEA 4726 'di mana saksi pendakwaan SP4 telah menerima pindaan tersebut sebagai kenyataan yang benar (berhubung dengan pertuduhan pertama). Beliau telah menyatakan di belakang P20 itu pegawai kastam telah sahkan bahawa kuantiti 3375 karton dalam truck JEA 4726 telah diseal dengan nombor seal 428649 dan 428650 pada truck JEA 4726 itu; walhal invois syarikat itu kepada Uniworld Agencies dalam P19 bagi konsignmen yang sama menunjukkan 'Lorry No/Vessel: JDT 4126'.

(12.3.5) Mengenai P27 dan P28 yang jelas palsu telah dikemukakan oleh responden-responden kepada pegawai kastam. Perlu diingatkan bahawa eksh P26, P27 dan P28 adalah mengenai satu konsignmen barangan bir Carlsberg yang sama dan ianya nampaknya melibatkan pertuduhan kedua. Saya menyatakan 'nampaknya' berdasarkan keterangan SP4 dan memandangkan pertuduhan kedua tidak membuat apa-apa rujukan kepada apa-apa kenderaan, sama ada nombor pendaftaran prime mover ataupun treler, selain merujuk kepada tarikh kejadian (iaitu 6 Januari 2000), masa kejadian (iaitu 9.20 malam), tempat kejadian (Batu 10½ Jalan Kuala Selangor, Daerah Rawang, Negeri Selangor) di mana kedua-dua responden bersama-sama didakwa dengan berpengetahuan terlibat dalam cubaan mengelakkan cukai kastam (diperhatikan dalam pertuduhan kedua rujukan dibuat kepada 'cukai kastam' dan bukan 'duti kastam') sebanyak RM230,688 secara fraud ke atas 3,375 karton x 24 tin x 320ml minuman bir berjumlah 25,920l dan dengan itu mereka telah melakukan kesalahan di bawah s 135(1)(9) Akta yang boleh dihukum di bawah s 135(1)(i) Akta yang sama. Mengikut keterangan SP10, beliau telah menerima P27 dan P28 daripada responden 2, tetapi beliau tidak tahu pegawai kastam yang mana yang telah mendaftar P27. Beliau sendiri tidak mendaftarkan P27. Beliau juga menyatakan P28 membuktikan Kastam Tanjung Kupang telah terima Borang Kastam 8 bersama-sama barang-barang pada 7 Januari 2000. Pembantu pegawai penyiasat SP4, selain dari menyatakan bahawa beliau ada pergi ke Kastam di Tanjung Kupang untuk siasat eksh P27 dan P28 dan hasil siasatan beliau didapati nombor daftar export 800248 pada eksh P27 adalah untuk syarikat lain dan barang-barang eksport adalah barang-barang lain dan bukannya bir Carlsberg, tidak mengemukakan apa-apa dokumen untuk menyokong keterangannya. Pihak pendakwaan juga tidak memanggil mana-mana saksi untuk menyokong keterangan SP4 bahawa eksh P27 dan P28 adalah dipalsukan selain memanggil SP12. SP12 adalah seorang pegawai kastam yang bertugas di pejabat kastam di Tanjung Kupang. SP12 telah menyatakan bahawa pada 7 Januari 2000 beliau bertugas di Cawangan Eksport di Tanjung Kupang, di Bahagian Pendaftaran shift petang antara pukul 1 petang hingga 12 malam. Beliau menafikan

beliau telah mendaftarkan menurunkan tandatangannya di butiran 48 P27 mahupun memeriksa lori yang berkenaan. Semasa pemeriksaan balas, SP12 mengakui bahawa P27 tidak dipalsukan dan adalah sah. SP12 tidak tahu siapa yang menandatangani P27 dan siapakah yang bertugas di shift pagi antara pukul 6 pagi hingga 1 petang. Pegawai kastam yang bertugas pada shift pagi ini tidak dipanggil memberi keterangan. Bagi saya, kegagalan saksi/pihak pendakwaan berbuat demikian tidak menyakinkan saya bahawa responden kedua telah memalsukan P27 dan P28 itu. Tambahan pula SP11, pemandu lori No JEA 4726 pada 7 Januari 2000 telah menyatakan beliau telah hantar konsignmen bir Carslberg ke Tanjung Kupang pada tarikh tersebut. Bukan itu sahaja, perlu diingatkan bahawa pertuduhan kedua itu melibatkan kedua-dua responden yang bertindak bersama-sama, bukan responden kedua seorang sahaja.

(12.3.6) Mengenai sewaktu ditemui P31 dalam gudang DMCII seal yang ditelatkan oleh pegawai kastam telah dipecahkan dan ada karton-karton bir Carlsberg yang dilihat telah diletakkan di atas lantai gudang (keterangan SP3 ms 43 rekod rayuan). Mengikut SP2, apabila beliau masuk gudang DMCII itu, semua pegawai telah ada dalam gudang itu dan pintu belakang trak telah dibuka ketika itu. SP2 tidak nampak pegawai kastam turunkan barang-barang dalam trak itu tetapi 2/3 karton telah berada atas lantai dan beliau tidak mengetahui bagaimana karton-karton itu berada di atas lantai itu. Keterangan SP2 ini sangat bercanggah dengan keterangan SP4 (yang menyatakan ada dua krate bir di atas lantai) serta gambar P22 yang hanya menunjukkan 2 karton bir berada di atas lantai dan treler T/J 5088 dimuatkan hampir penuh dengan karton-karton bir lihat gambar-gambar P22 dan P23. SP3 pula menyatakan beliau telah membuka pintu belakang kontena yang tidak berseal (P32) dan melihat kontena itu dipenuhi dengan bir Carlsberg. Adalah diperhatikan bahawa semasa pemeriksaan balas, SP3 telah menyatakan setelah beliau masuk ke dalam gudang itu beliau diarah pergi ke belakang bangunan itu di mana beliau telah menghabiskan 15 minit di sana, manakala pegawai kastam yang lain berada dekat kontena tersebut. Semasa beliau hendak pergi ke belakang bangunan itu, beliau ada melihat pintu tepi kontena tersebut ditelat dan setelah kembali dari belakang bangunan ke tempat kontena berada, beliau telah melihat pintu belakang kontena tidak ditelat. Beliau telah membuka pintu belakang kontena dan nampak kontena itu dipenuhi bir jenis Carlsberg. Beliau juga menyatakan bahawa seal itu tidak perlu alat khas untuk membukanya, cuma rentap mencukupi untuk memecahkan seal itu. Apabila mengambilkira keseluruhan keterangan SP3 itu, dan keterangan SP2 yang bercanggah dengan keterangan SP4 dan P22, ada kemungkinan seal pintu belakang itu direntap oleh mana-mana satu pegawai kastam itu yang berada dalam gudang itu.

(12.3) Mengenai keterangan SP4 bahawa di kilang DMCI kelihatan pekerja-pekerja di situ sedang memadam 'manufacturing marking' pada tin-tin Carlsberg. Jika didapati pertuduhan itu dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan pada tahap prima facie, yang saya dapati tidak dalam kes ini, keterangan SP4 ini boleh serba sedikit diambil kira oleh mahkamah sebagai menyokong keterangan, bahawa syarikat itu melakukan kesalahan fraud. Tetapi dalam keadaan kes ini perlakuan ini tidak menyumbang kepada beban bukti pihak pendakwaan terhadap dakwaan kesalahan di bawah s 135(1)(g) Akta itu, walaupun ianya mungkin merupakan suatu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang lain.

[13] Peruntukan s 127 Akta

(13.1) Puan TPR yang bijaksana berhujah bahawa suatu perintah perlucuthakkan di bawah s 127 Akta perlu dibuat oleh mahkamah ini jika mahkamah telah mendapati suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta itu dan walaupun tiada seorang pun yang didapati bersalah. Beliau merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Guan Shen Trading Sdn Bhd* [1997] 4 MLJ 20, dan *Chan Hock Ting v Public Prosecutor* [1933] MLJ 160, sebagai autoriti mengenai s 127 Akta itu. Tuan Majistret yang bijaksana telah memerintahkan barang-barang kes yang berkaitan dikembalikan semula kepada responden-responden. Memandangkan barang-barang kes itu bukan kepunyaan responden-responden itu maka saya dapati perintah itu tersilap dibuat dan dengan itu saya membatalkannya. Sebelum saya keluar perintah yang baru sebagai ganti, barang-barang kes yang terlibat adalah seperti berikut:

13.1.1 P31-prime mover JEA 4726; 13.1.2 P32-treler T/J 5088 13.1.3 P33-prime mover JDT 9276; 13.1.4 P34-treler T/J 4082;
Telah dikembalikan kepada syarikat berkenaan di bawah s 407 Kanun Acara Jenayah. Bond RM 200,000/- dikenakan untuk semua kenderaan berkenaan (lihat ms 98 rekod rayuan)
13.1.5 nilai jualan 3375 crate bir Carlsberg secara tender sebanyak RM 69,525.00, (lihat resit P18); 13.1.6 nilai gerenti bank sebanyak RM 300,000, atas 'Consignment' sebuah lori kosong (pertuduhan kedua).

(13.2) Berdasarkan alasan-alasan yang dijelaskan di atas, saya dapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan pada tahap yang memuaskan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta itu telah dilakukan dan bahawa barangan yang disenaraikan di perenggan 13.1.1-13.1.6 itu adalah 'subject matter of or were used in the commission of the offence'.

(13.3) Oleh yang demikian adalah diperintahkan bahawa:

(13.3a) bond untuk nilai RM200,000 yang dikenakan untuk semua kenderaan di perenggan 13.1.1–13.1.4 itu dilepaskan;

13.3.2 nilai jualan sebanyak RM 69,525 yang dirujuk di perenggan 13.1.5 di atas dipulangkan kepada syarikat;

(13.3.3) renti bank sebanyak RM 300,000, yang dirujuk di perenggan 13.1.6 dilepaskan dan dipulangkan kepada pihak yang berkenaan.

Anggapan di bawah s 119 dan s 135(2) Akta

[14] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya dapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan intipati kesalahan-kesalahan di bawah kedua-dua pertuduhan itu pada tahap kes prima facie dan oleh itu anggapan undang-undang di bawah peruntukan s 119 dan s 135(3) Akta tidak berbangkit.

[15] Ingin saya menyatakan di sini semata-matanya untuk kebaikan semua pihak yang akan terlibat dalam mana-mana rayuan yang akan datang bahawa saya telah menghadapi kesulitan membaca nota keterangan yang ditaipkan. Nota keterangan tersebut nampaknya tidak disemak dengan berhati-hati sehinggakan saya terpaksa menyemaknya dengan membandingkan nota yang ditaip dengan nota dalam tulisan Tuan Majistret itu. Ini telah menyebabkan pembaziran masa dan menimbulkan kekeliruan yang tidak sepatutnya berlaku.

Rayuan ditolak.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed